

**Bahagian A**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

**Soalan 1** berdasarkan peta topo siri 2280/2/2019. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

1 (a) (i) Apakah arah Bkt. Leban dari Bkt. Kambing?

.....

[1 markah]

(ii) Nyatakan rujukan grid enam angka puncak tertinggi Bkt. Kambing.

.....

[2 markah]

(b) Berapakah bearing jambatan batu (RG110543) dari kuil (RG105515)?

.....

[2 markah]

(c) Jelaskan sumber semula jadi yang boleh digunakan oleh penduduk tempatan tanpa merosakkan alam sekitar.

.....

.....


.....

.....

[3 markah]

JOIN TELEGRAM  
@exercise\_students  
for more tips spm 2025 !

- (d) Terangkan kepentingan ciri hidrografi dalam segi empat grid berikut kepada penduduk sekitar.



.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

- (e) Apakah kesan ke atas alam sekitar sekiranya segi empat grid berikut di teroka untuk kegiatan ekonomi?



.....

.....

.....

.....

[3 markah]

**Soalan 2** berdasarkan Jadual 1.

Anggaran keluasan kawasan pengeluaran padi bagi negeri-negeri terpilih di Semenanjung Malaysia pada tahun 2019 hingga 2020

Negeri	Keluasan Kawasan Tanaman Padi (Hektar)	
	2019	2020
Johor	2 400	2 300
Perak	15 000	14 800
Kedah	12 100	11 200

*Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Jabatan Pertanian Malaysia*

Jadual 1

- (a) Berdasarkan Jadual 1, lukis graf bar berganda yang menunjukkan keluasan kawasan pengeluaran padi bagi negeri-negeri terpilih di Semenanjung Malaysia pada tahun 2019 hingga 2020.

Gunakan skala 1cm mewakili 1 000 hektar.

[ 8 markah]

- (b) Dengan merujuk kepada graf yang telah anda lukis , tafsirkan pola perubahan keluasan kawasan pengeluaran padi bagi negeri-negeri terpilih di Semenanjung Malaysia pada tahun 2019 hingga 2020.

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah]

- (c) Jelaskan faktor yang menyebabkan penurunan keluasan kawasan tanaman padi di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

**Bahagian B**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

Foto 1 menunjukkan bentuk muka bumi di satu peringkat aliran sungai.



Foto 1

3 (a) Namakan peringkat aliran sungai dalam foto.

.....  
[1 markah]

(b) Apakah kepentingan kawasan tersebut terhadap alam sekitar?

.....  
.....  
.....  
[2 markah]

(c) Bagaimanakah aktiviti manusia boleh menjejaskan kawasan tersebut ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
[4 markah]

(d) Cadangkan usaha untuk mengekalkan kelestarian sungai di kawasan tersebut.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

**Soalan 4** berdasarkan Foto 2.

Foto 2 menunjukkan lokasi bandar.



Foto 2

4 (a) Apakah proses yang berlaku dalam Foto 2 ?

.....

[1 markah]

(b) Jelaskan faktor yang mempengaruhi perkembangan kawasan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Sekiranya kawasan tersebut terus berkembang, apakah kesan yang berlaku terhadap alam sekitar?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(d) Cadangkan langkah yang sesuai bagi mengurangkan kesan di 4(c).

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

Soalan 5 berdasarkan Peta 1.



Peta 1: Dunia

5 (a) Namakan sumber tenaga yang terdapat di negara :

**P** : .....

**Q** : .....

[2 markah]

(b) Apakah kepentingan sumber tenaga **P** kepada pembangunan negara?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(c) Jelaskan kesan penerokaan sumber tenaga **Q** terhadap alam sekitar.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(d) Cadangkan langkah yang boleh dilaksanakan untuk menjimatkan sumber tenaga.

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]


### Bahagian C

[ 40 markah ]

Jawab **dua** soalan sahaja.

**Soalan 6** berdasarkan Peta 2.

Peta 2 menunjukkan migrasi penduduk.



Peta 2: Semenanjung Malaysia

- 6 (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi migrasi ke kawasan berlorek.

[6 markah]

Keratan akhbar berkaitan migrasi antarabangsa.

**Kadar pertumbuhan penduduk Malaysia didorong migrasi Antarabangsa**

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) tahun 2023, penduduk bukan warganegara meningkat daripada 2.5 juta pada tahun 2022 kepada 3.0 juta pada tahun 2023.

Peningkatan ini dipengaruhi oleh pembukaan sempadan negara dan pelaksanaan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0.

Fenomena ini menunjukkan trend migrasi antarabangsa ke Malaysia. semakin meningkat pasca pandemik.

(Sumber : Harian Metro, 31 Julai 2023)

- (b) Berdasarkan maklumat tersebut, terangkan kesannya terhadap sosioekonomi negara Malaysia.

[6 markah]

- (c) Bagaimanakah kesan migrasi antarabangsa tersebut dapat diatasi demi kesejahteraan penduduk Malaysia?

[8 markah]

7 (a) Di atas Peta 3 di halaman 15, namakan tumbuhan semula jadi di kawasan berlorek bertanda:

- i) P
- ii) Q
- iii) R
- iv) S

[4 markah]

(b) Terangkan kepentingan tumbuhan semula jadi dan hidupan liar terhadap keseimbangan ekosistem.

[8 markah]

Keratan akbar berkaitan hidupan liar.

	<p><b><i>Hidupan liar di Malaysia diambang kepupusan</i></b></p> <p><i>Kuala Lumpur : Mungkin ramai yang tidak sedar bahawa Malaysia kini diancam masalah kepupusan serius pelbagai jenis hidupan liar sama ada flora mahu pun fauna.</i></p> <p><i>Sumber : Berita harian, 10 April 2016</i></p>
--	---

(c) Bagaimanakah kegiatan manusia menyebabkan keadaan tersebut berlaku?

[8 markah]

**Soalan 8** berdasarkan Foto 3.




Foto 3

- 8 (a) Terangkan faktor fizikal yang mempengaruhi kegiatan ekonomi dalam foto.  
[6 markah]
- (b) Mengapakah kegiatan ekonomi tersebut penting kepada pembangunan negara?  
[6 markah]
- (c) Bagaimanakah kegiatan ekonomi tersebut memberi kesan kepada alam sekitar.  
[8 markah]

Foto 4 menunjukkan fenomena cuaca di Malaysia.



Foto 4

9 (a) Terangkan punca berlaku fenomena cuaca dalam Foto 4.

[6 markah]

(b) Bagaimanakah fenomena tersebut memberi kesan terhadap penduduk setempat?


[6 markah]

(c) Pada pendapat anda adakah fenomena seperti dalam foto dapat di atasi sepenuhnya di negara kita?

[8 markah]

*Soalan Tamat*

Peta 3 untuk soalan nombor 7(a).



Peta Dunia

<b>P</b>		<b>R</b>	
<b>Q</b>		<b>S</b>	